

# UTUSAN MALAYSIA

**Mingguan Malaysia**

**27 AUGUST 2017**

## 111 *tumbler premium Moorlife* diedar sempena Sukan SEA

**KUALA LUMPUR 26 Ogos** - Syarikat Creative Mega Network (CMW) akan mengedarkan 111 *tumbler premium* (bekas minuman) jenama *Moorlife* sempena Sukan SEA yang sedang berlangsung ketika ini.

Angka pengagihan itu juga dipilih melambangkan simbolik kepada Malaysia yang meletakkan sasaran emas dalam penganjuran sukan berprestij tersebut.

Menurut Pengarah CMW, How Kam Chiong, *tumbler premium* tersebut diedarkan kepada orang ramai sebagai salah satu langkah untuk memupuk kesedaran kepada masyarakat dalam memilih produk harian yang berkualiti.

"Moorlife amat menekankan aspek keselamatan dan kesihatan dalam pembuatannya agar tubuh badan pengguna bebas daripada penggunaan bahan plastik berkimia.

"Selain dapat mengelak daripada terkena kesan buruk bahan tersebut untuk tempoh yang lama, *Moorlife* tampil dengan bahan pembuatan yang bebas kimia atau pewarna yang beracun," katanya di sini semalam.

Kam Chiong berkata, *tumbler premium* itu didatangkan istimewa untuk jualan dengan pelbagai ane-



**HOW KAM CHIONG**

ka warna menarik seperti merah, merah jambu, biru, jingga, hijau dan kuning.

"Tujuannya adalah untuk memberi keceriaan kepada pengguna di samping memastikan produk yang dipasarkan bersifat mesra alam dan mudah diterima orang ramai," katanya.

Menariknya tentang produk yang dipasarkan, Kam Chiong memberitahu, semua produk *Moorlife* mempunyai jaminan penggunaan bagi ahli yang berdaftar dan boleh ditukar ganti jika produk yang diguna mengalami kerosakan.